

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON [TEBRAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian ada perancangan bersama Kerajaan Johor untuk buat Johor Selatan sebagai satu destinasi pelancongan memandangkan sini adalah tempat yang paling selatan di kontinen Asia dan ada banyak tempat seperti Kota Tinggi, Kong Kong Laut, Puteri Harbour, Forrest City, dan Pontian yang berpotensi untuk menarik pelancong-pelancong sekiranya peruntukan yang mencukupi dapat diberi untuk buat kerja menaik-taraf, penyelenggaraan dan promosi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa bekerjasama dengan semua Kerajaan Negeri bagi menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong antarabangsa. Dalam hal ini, kerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor juga semestinya tidak terkecuali.

2. Pelbagai kerjasama telah dilaksanakan oleh MOTAC bersama Kerajaan Negeri Johor, termasuklah kerjasama berbentuk pemahiran semula dan peningkatan kemahiran. Antaranya ialah:

- (a) Webinar Semarak Kemerdekaan ke-64 dari Lensa Pelancongan yang merupakan kerjasama antara MOTAC Negeri Johor dan Tourism Johor serta melibatkan 70 penggiat industri pelancongan seperti pemandu pelancongan, syarikat pengendalian pelancongan, institut latihan pelancongan, pengusaha premis penginapan pelancongan dan inap desa;
- (b) Kursus Mesra Malaysia Secara Dalam Talian kepada 25 operator pelancongan yang berdaftar dengan Persatuan Pelancongan Mersing;
- (c) Kursus Mesra Malaysia Secara Dalam Talian kepada 27 Kakitangan Hotel Yang Berdaftar dengan Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Johor;
- (d) Taklimat Pengukuhan Organisasi dan Mesyuarat Penyelarasan Program Pengalaman Homestay/Kampungstay Malaysia Tahun 2021 dengan kerjasama ahli akademik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang merupakan pakar dalam kajian *Community Based Tourism* dan melibatkan seramai 62 orang peserta kluster homestay;

NO. SOALAN : 38

- (e) Kursus Pemasaran Media Sosial (Revolution of Digital Tourism) Siri 1 dan Siri 2 Kepada 145 orang melibatkan agensi di bawah MOTAC serta penggiat industri pelancongan negeri Johor; dan
- (f) Sesi Libat Urus Bersama 98 Penggiat Industri Pelancongan Negeri Johor Mengenai MyTQA/Tabung/Insentif di bawah MOTAC.

3. Sementara itu, antara kerjasama program promosi Tourism Malaysia dengan Tourism Johor yang telah dan akan dilaksanakan di negeri Johor pada tahun 2021 adalah:

- (a) Program Jelajah Johor 'Cutti-Cutti Malaysia' BMX Ungkal 1.0 2021 pada melibatkan penjelajahan ke seluruh daerah di negeri Johor (Laluan BMX) Pontian – Batu Pahat – Muar – Tangkak – Segamat – Kluang – Mersing – Kota Tinggi (Desaru Coast) – Johor Bahru – Kulai – Pontian;
- (b) Program Ekspresi Media: *Southern Hidden Gem* Selatan dengan kerjasama Pejabat Daerah Muar serta melibatkan 17 wakil media bertujuan mempromosikan produk-produk baru dan sedia ada pelancongan negeri Johor;
- (c) Jelajah Jom Jalan Homestay Johor bagi mengemaskini produk-produk yang ditawarkan oleh pengusaha inap desa di negeri Johor dan promosi di media sosial;
- (d) Jelajah Homestay Johor 'Marilah Pulang Ke Kampung' yang melibatkan pengusaha-pengusaha inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia di negeri Johor; dan
- (e) Festival Permainan Tradisional Negeri Johor 2021 pada bulan Disember 2021 dengan kerjasama Tourism Johor dan Yayasan Warisan Johor.

NO. SOALAN : 38

4. Menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2.0 (2020-2030), MOTAC telah mengenalpasti 60 kluster ekopelancongan di seluruh negara yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu. Bagi negeri Johor, terdapat lima (5) kluster ekopelancongan yang telah dikenalpasti iaitu:

- (a) RAMSAR Johor – Gunung Pulai – Sungai Johor;
- (b) Kota Tinggi – Sungai Johor – Desaru - Sedili;
- (c) Mersing – Sultan Iskandar Marine Park;
- (d) Kluang – Endau Rompin – Segamat;
- (e) Tangkak – Sagil – Gunung Ledang; dan Batu Pahat – Parit Jawa – Muar

5. Pembangunan secara kluster boleh memastikan destinasi-destinasi ekopelancongan dapat dibangunkan secara lestari menerusi aktiviti-aktiviti berasaskan komuniti atau *Community-Based Tourism* (CBT), Program Pengalaman Homestay Malaysia di bawah MOTAC dapat dikembangkan serta dipromosi secara holistik dan seterusnya destinasi ekopelancongan yang dipromosikan secara bersepadu akan mampu menarik pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih banyak.

Sekian, terima kasih.